

BAB LIMA

BAB V

PENUTUP

Pada zaman Rasulullah s.a.w. tidak ada perbahasan dalam masalah akidah di kalangan orang Islam khususnya masalah tauhid iaitu *asmā'* dan sifat-sifat Allah. Perbahasan dalam masalah itu hanya tercetus di kalangan orang kafir musyrik dan *ahl al-Kitāb* sahaja.

Topik ini mula diperdebatkan pada akhir kurun pertama Hijrah apabila pandangan para sahabat dan tabiin yang mengisbatkan nama-nama dan sifat-sifat Allah telah disanggah dan ditentang oleh beberapa individu tertentu dari kalangan *al-tābi'in* seperti Ja'ad Ibn Darhan dan Jaham Ibn Şafwān. Polemik menjadi semakin hangat dengan kemunculan kumpulan-kumpulan tertentu yang begitu ghairah memperdebatkan isu dan topik yang sebelumnya disepakati bersama seperti kumpulan Muktazilah, Jahmiyyah, Muktazilah dan lainnya.

Sebagai tindakbalas kepada kumpulan-kumpulan tersebut, ulama-ulama salaf dari kalangan sahabat, tabiin, *tābi' al-tābi'in* bangkit mempertahankan akidah umat Islam. Mereka mengisbatkan apa yang diisbatkan oleh Allah dan Rasul; menafikan apa yang dinafikan oleh Allah dan Rasul tanpa sebarang uiasan dan persoalan. Pegangan dan iktikad ini turut didokong dan diperjuangkan oleh tokoh-tokoh ilmu hadis khususnya Imām al-Bukhārī menerusi karangan beliau yang tersohor, *Kitāb al-Tawhīd Fī al-Jāmi' al-Şoḥīḥ*.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan terhadap *manhaj* akidah Imām al-Bukhārī, beberapa kesimpulan dapat dibuat:

- a) Penyelidikan ini telah menjelaskan tentang ketokohan Imām al-Bukhārī sebagai salah seorang ulama Islam dari kalangan salaf yang terulung pada abab kedua hijrah. Ketekunan dan kesungguhan beliau dalam menuntut ilmu pengetahuan serta keunggulan beliau mempertahankan akidah Islam dari serangan golongan *Mubtadi'* melalui sistematika *ahl al-Hadīth* telah menyebabkan beliau diiktiraf sebagai *amīr al-Mu`minīn Fī al-Hadīth*.
- b) *Kitāb al-Jāmi' al-Ṣoḥīḥ* adalah satu karya yang sarat dengan penjelasan dan *manhaj* yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Pengaplikasian *manhaj al-Salaf al-Ṣāleḥ* dalam membincangkan perkara akidah secara umum dan permasalahan tauhid secara khusus dapat dilihat dengan ketara dilakukan oleh al-Bukhārī dalam *Kitāb al-Tawḥīd*.
- c) Al-Bukhārī mendahului dan mengutamakan nas al-Qur'ān dan Sunnah serta berpegang dengan kedua-duanya dalam segenap aspek terutamanya persoalan akidah.

- d) Manhaj utama akidah al-Bukhārī ialah beriman dengan zahir nas al-Qurʾān dan hadis serta menjauhi cara ulama kalam dalam mengisbatkan akidah, terutamanya dalam bab nama dan sifat Allah.
- e) Al-Bukhārī sangat mengambil berat dan memuliakan hadis-hadis Rasulullah. Ia dijadikan hujah dan pentafsir bagi al-Qurʾān. Penguasaan ilmu hadis secara luarbiasa ini mewajarkan beliau diiktiraf sebagai ‘pemimpin umat Islam dalam ilmu hadis’.
- f) Peranan al-Bukhārī ke arah kemurnian akidah Islam amatlah besar. Beliau cuba memperbetulkan penyelewangan akidah umat Islam berdasarkan kepada nas-nas al-Qurʾān, hadis, kata-kata sahabat dan pandangan ulama-ulama salaf yang muktabar. Akidah yang dikemukakan oleh al-Bukhārī adalah akidah yang benar-benar asli, bersih dan murni; kerana semuanya berdasarkan kepada al-Qurʾān dan hadis yang sahih tanpa membuat apa-apa takwilan.
- g) Akidah Imām al-Bukhārī dan mazhab beliau adalah aliran ahli salaf dari ahli Sunnah yang menjauhi perdebatan dan diskusi hangat di dalam topik-topik kontroversi yang boleh menggoncang keutuhan dan perpaduan umat Islam.
- h) Pendekatan akidah al-Bukhārī jauh berbeza daripada mazhab Muktaẓilah dan *Jahmiyyah* dalam beberapa permasalahan besar khususnya mengenai sifat-sifat Allah. Orang-orang Muktaẓilah dan

Jahmiyyah menafikan semua sifat Allah. Manakala Imām al-Bukhārī mengisbatkan semua nama-nama dan sifat Allah sebagaimana yang disebut di dalam al-Qurān dan Sunnah. Begitu juga perbuatan manusia; golongan Muktazilah mengatakan manusia berkuasa melakukan perbuatan *ikhtariyahnya* tanpa qadar dari Allah. Tetapi Imām Bukhārī berpendapat semua perbuatan manusia adalah perbuatan Allah. Perselisihan juga berlaku pada kalam Allah (al-Qurān), Muktazilah mengatakan al-Qurān makhluk Allah sedangkan di sisi al-Bukhārī al-Qurān adalah *Kalām* Allah yang *qadīm*.

Sebagai akhiran kepada penulisan ini, penulis ingin menegaskan kembali bahawa akidah adalah asas utama kepada Islam. Kebangunan dan kegemilangan Islam hanya akan berjaya dicapai sekiranya umat Islam dewasa ini kembali kepada kemurniaan akidah dan ketulusan iman sebagaimana yang pernah berlaku pada masa hayat Rasulullah s.a.w dan era kegemilangan Islam.

Umat Islam perlu mengeneipikan sentimen negatif dan kepentingan diri sebaliknya kembali kepada sistem akidah sebagaimana pernah dicoretkan oleh tokoh-tokoh agung sepanjang zaman. Lantaran itu khazanah bernilai seperti Sahih al-Bukhari perlu diselongkar kembali; dicungkil keluar segala mutiara di dalamnya seterusnya diimplementasikan segala kebenarannya di dalam kehidupan beragama agar masyarakat kembali gemitang dan Islam bangkit membina semula ketuanan dunia. Sesungguhnya masa depan adalah milik Islam dan umatnya yang berpegang dengan asas akidah yang bersih dan murni. Sekian.